

29 SEP 1997

Mahathir-Bandar

PROJEK BANDAR BARU DI CHILE KEJAYAAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN

Oleh: K.C.Leong

SAN BERNARDO, (Chile) 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Chile Eduardo Frei Ruiz-Tagle hari ini secara bersama merasmikan projek bandar baru yang sebelumnya tertangguh sebagai simbol kejayaan kerjasama Selatan-Selatan.

Kedua-dua pemimpin menaiki kereta api baru yang sebelumnya dilancarkan secara bersama di Santiago melalui landasan ke bandar ini yang terletak di luar ibu negara Chile.

Projek itu membabitkan pembangunan semula depot landasan kereta api lama di sini dengan mengubahnya menjadi bandar baru. Bandar baru itu dijangka menjadi tarikan penduduk Santiago yang ingin melepaskan diri daripada tekanan hidup di bandaraya itu yang mempunyai hampir enam juta penduduk.

Ia dimajukan oleh Malaysia South-South Corporation Berhad (MASSCORP), konsortium mengandungi beberapa syarikat utama Malaysia, dan rakan kongsi dari Chile.

Berikutan siapnya stesen baru kereta api di sini dan landasan dari Santiago, yang masa perjalanannya cuma 15 minit menaiki kereta api baru itu, penduduk bandaraya diharap akan memenuhi masa lapang pada hujung minggu di bandar yang indah ini.

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari, sebelum itu diberi sambutan rasmi di Tugu Kebangsaan Altar de la Patria. Beliau kemudian mengunjungi Presiden Frei di istana presiden yang dikenali sebagai Palacio de la Moneda.

Di istana itu, kedua-dua pemimpin mengadakan pertemuan singkat sebelum mengetuai delegasi masing-masing ke mesyuarat dua hala. Mereka kemudian bertolak ke stesen kereta api pusat di Santiago untuk perjalanan ke sini.

Ketika berucap kepada penduduk dan para pegawai perbandaran San Bernardo, Dr Mahathir berkata projek itu menandakan era baru dalam hubungan Malaysia-Chile dan hasil perancangan dan usaha gigih selama berbulan-bulan oleh semua pihak terbabit.

Beliau berkata projek itu membuktikan bahawa negara-negara Selatan boleh menawarkan sesuatu antara satu sama lain.

"Projek seperti ini sekali lagi membuktikan bahawa kerjasama Selatan-Selatan berjalan lancar dan berkesan demi kebaikan penduduknya," kata beliau.

Ia juga menunjukkan bahawa sektor korporat Selatan-Selatan mampu melaksanakan projek pembinaan secara besar-besaran yang memanfaatkan semua sektor masyarakat, kata Dr Mahathir.

Beliau juga berpuas hati dengan usaha membangunkan bandar berkenaan sambil berkata beberapa langkah diambil bagi memelihara alam sekitar di samping usaha dijalankan bagi menyediakan kemudahan rekreasi untuk golongan tua dan muda.

Perdana Menteri berharap projek itu akan memberi sumbangan ke arah menjayakan usaha membangunkan San Bernardo dan mengucapkan tahiah kepada MASSCORP dan rakan kongsinya atas usaha itu.

Dr Mahathir berharap projek itu akan menjadi titik tolak bagi pelaksanaan lebih banyak projek usahasama Malaysia-Chile. Beliau yakin bahawa apabila siap, ia akan menjadi contoh bagi kerjasama Selatan-Selatan.

Dalam perjalanan pulang ke Santiago, Perdana Menteri mengunjungi Presiden Dewan Senat, Senator Sergio Romero.

Dr Mahathir akan meneruskan lawatannya ke negara-negara Amerika Latin

dengan melakukan lawatan ke Uruguay pada Rabu dan Khamis sebelum ke Argentina. Perdana Menteri sebelum tiba di sini telah melawat Cuba. --
BERNAMA

KCL FAZ NAK